

22 MAY 2003

Pakej-Vokasional

RM500 JUTA DAPAT SELAMATKAN 1,200 PUSAT LATIHAN VOKASIONAL

IPOH, 22 Mei (Bernama) -- Peruntukan tambahan RM500 juta bagi mengisi Tabung Pembangunan Kemahiran di bawah pakej strategi baru ekonomi akan menyelamatkan 1,200 pusat latihan vokasional swasta daripada ditutup dan membolehkan 100,000 pelajaranya meneruskan pengajian.

Setiausaha Agung Gabungan Persatuan Institusi Pendidikan Swasta Malaysia, Nordin Abdul Malek berkata, peruntukan itu tepat pada masanya kerana kebanyakan daripada 1,200 pusat dengan tenaga kerja kira-kira 20,000 orang itu berada dalam keadaan tenat sejak pinjaman baru tabung itu dibekukan Mac lepas.

Katanya, gabungan itu menganggarkan hampir 50,000 pelajar di 1,800 pusat bertauliah telah berhenti atau tidak melanjutkan pelajaran ke tahap lebih tinggi kerana masalah kewangan.

Terdapat 1,800 pusat bertauliah Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) di seluruh negara sekarang, termasuk 600 milik kerajaan.

"Kami berterima kasih kepada kerajaan atas peruntukan tambahan ini yang akan dapat membantu meringankan beban pelajar dan membolehkan pusat swasta terus beroperasi," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Semalam Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan tambahan RM500 juta itu yang merupakan sebahagian daripada pakej bernilai RM7.3 bilion yang bertujuan merangsang ekonomi yang terjejas akibat ketidaktentuan global.

Nordin berkata, sejak Kementerian Sumber Manusia membekukan pinjaman baru pada Mac lepas, ramai pelajar tidak dapat meneruskan pengajian kerana tabung itu juga mensyaratkan mereka membayar dulu pinjaman sebelum memohon pinjaman baru.

Katanya, gabungan itu telah menghantar memorandum kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Mac lepas, memohon peruntukan tambahan RM500 juta agar tabung itu dapat beroperasi sepenuhnya.

Nordin berkata, apabila tabung itu ditubuhkan pada tahun 2001, kerajaan memperuntukkan RM140 juta tetapi hanya RM24.2 juta digunakan dan bakinya dibawa ke tahun 2002 untuk menjadikan keseluruhan dana yang ada kepada RM178 juta.

Malangnya, masalah timbul apabila 97,000 memohon pinjaman pada tahun 2002 berbanding 23,000 yang memohon tahun sebelumnya dan ini menyebabkan kekurangan hampir RM300 juta tahun lepas.

Pada tahun 1993, hanya terdapat sembilan pusat bertauliah sebelum meningkat kepada 788 pada tahun 2001 dan seterusnya melonjak kepada 1,809 tahun lepas.

Katanya, kerajaan memperuntukkan RM200 juta awal tahun ini tetapi ia tidak cukup untuk menampung kekurangan tahun lepas dan ini menyebabkan ramai pelajar menghentikan pengajian.

-- BERNAMA

AR DC MOZ